

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BERTULIS  
DARIPADA : TUAN MANIVANAN A/L GOWINDASAMY  
[ KAPAR ]**

**Tuan Manivanan a/l Gowindasamy [ Kapar ] minta MENTERI  
PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN  
KEPENGUNAAN menyatakan :-**

- (a) bagaimana, dalam pelaksanaan Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011, bagaimanakah pihak Kementerian mengenal pasti sama ada peniaga yang diadu oleh orang awam sememangnya menjual dengan harga yang terlampau tinggi; dan
- (b) sama ada pihak Kementerian atau mana–mana agensinya dapat mengambil tindakan terhadap syarikat atau agensi pelancongan yang didapati terlibat dalam penipuan pakej umrah, dan nyatakan tindakan yang telah diambil terhadap mereka.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

- a) Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan telah menguatkuasakan **Peraturan-Peraturan Kawalan Harga dan Antipencatutan (Mekanisme Untuk Menentukan Keuntungan Tinggi Yang Tidak Munasabah) (Margin Keuntungan Bersih) (MKB) 2014** sejak 1 Januari 2015 yang memerlukan peniaga mengekalkan margin keuntungan bersih sehingga 31 Disember 2016. Mana-mana peniaga yang menaikkan MKB selepas 1 Januari 2015 tanpa justifikasi akan diambil tindakan.

Melalui pelaksanaan **OPS CATUT** bermula pada **15 Januari 2015** sehingga **14 November 2016**, sebanyak **2.14 juta pemeriksaan** telah dijalankan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak **361** kertas siasatan telah dibuka di bawah **Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (AKHAP) 2011**. Sebanyak **44** kes telah didakwa di Mahkamah Sesyen Khas Antipencatutan di mana **40 kes telah** disabitkan kesalahan dengan denda keseluruhan berjumlah **RM789,500**. Manakala sebanyak **23** kes telah dikenakan kompaun.

Kementerian akan memperkukuhkan penguatkuasaan serta mempertingkatkan pemantauan menerusi pemerikasaan pengguna bagi menangani isu harga barang.

- b) Di bawah **Akta Industri Pelancongan (AIP) 1992**, Kementerian Pelancongan dan kebudayaan Malaysia (KPK) boleh mengambil tindakan membatalkan lesen, mengkompaun atau pun mendakwa

syariat-syarikat yang gagal mematuhi AIP 1992 dan peraturan-peraturan di bawahnya di mahkamah.

Secara keseluruhannya sepanjang tahun 2012 sehingga September 2016, pihak Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia telah mengambil tindakan mengeluarkan kompaun ke atas 71 kes berkaitan pengendalian pakej umrah di bawah AIP 1992 yang melibatkan jumlah kompaun sebanyak RM362,000.00.

Dalam hal ini juga, sebanyak 11 buah syarikat telah dikenakan tindakan pembatalan lesen dan sebuah syarikat telah ditarik balik lesen dalam bidang perniagaan pengendalian pelancongan (*outbound*) kerana melakukan kesalahan di bawah AIP 1992.